



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 24 FEBRUARI 2020

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MP TO SEEK CONSIDERATION FOR SG APONG FISHERMEN TO HIRE FOREIGNERS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2. 3.	AYAM SEJUK BEKU, DIESEL DIRAMPAS, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -24 MUSHROOMS WORTH RM76,000 SEIZED, NEWS, NST -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
4. 5. 6. 7.	TERENGGANU FISHERIES SECTOR GETS RM900,000, NEWS, NST -11 FISHERMEN YET TO GET MONSOON AID PROMISED BY S'WAK GOVT, SAYS YONG, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -5 'LET THESE FISHERMEN HIRE FOREIGN WORKERS', NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10 IKAN DI TASIK PEDU MARIN KURANG, SINAR NEGERI KEDAH, SH -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	HAMPIR TERDUDUK RUGI RM500,000, BISNES SINAR, SH -30	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11. 12. 13.	NELAYAN HANYUT KE BENGKALIS SELAMAT, SINAR NEGERI MELAKA, N.SEMBILAN, JOHOR, SH -26 NELAYAN TASIK RESAH HASIL KURANG AKIBAT KEMARAU, NASIONAL, BH -33 SCANNING QR CODE OF JACKFRUIT AND KNOW THEIR ORIGIN PLACE, METRO EDITION A, SIN CHEW DAILY -10 EKSPORT IKAN PATIN TEMERLOH KE LUAR NEGARA, SINAR NEGERI PAHANG, SH -22 TARIKAN UNIK JERAMI GULUNG KKDK, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -13	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	MP to seek consideration for Sg Apong fishermen to hire foreigners		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	24 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	396 cm ²
Journalist	Marilyn Ten	AdValue	RM 5,400
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 16,200



Dr Yii (sixth right) hands over a mock cheque to Lau (fourth right) while Yong (fifth right), Kho (seventh right) and others look on.

MP to seek consideration for Sg Apong fishermen to hire foreigners

Marilyn Ten

KUCHING: Fishermen under the Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association are having problems recruiting local workers to assist them on their vessels, said Bandar Kuching MP Dr Kelvin Yii.

He said one of the challenges faced by the fishermen in recruiting workers was the lack of interest in the industry along with the manual labour that comes with the job.

"They (association) have tried many efforts to recruit locals but there is little interest because of the physical labour of the job," Dr Yii told a press conference after handing over a special compassionate grant

of RM34,000 to Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association at its premises here yesterday.

In view of this, Dr Yii said he will be raising this issue in the coming parliamentary sitting this March 9.

"Under Section 10(1)(c) of the Fisheries Act 1985, the law does not allow the hiring of foreign workers but I will be seeking for special consideration to be made for the association to hire foreign workers.

"While we are supportive that jobs should be prioritised for locals, we hope that special consideration can be made especially if these fishermen have tried all avenues to recruit local works, including advertising in the newspapers

and getting the word out to people," he explained.

He said he will also be meeting Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub on the matter and in appealing for the special consideration, he said one of the conditions is that fishermen who hold Licence A or Licence B must be on the boat together with the foreign workers during their fishing activities.

"This means that they cannot just hire foreign workers and let these workers run the show.

"They must also be on the boat so that we can ensure our maritime resources are prioritised for our own consumption and own use," he stressed.

Dr Yii said the average age of fishermen under the association is 60 years, and that each fisherman needs at least two workers to assist them while out at sea.

Established in 1949, Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association currently has around 80 members but only 17 are active.

Earlier, Dr Yii presented the special grant, allocated under his parliamentary constituency, to assist the fishermen in purchasing equipment such as fishing nets, GPS system, life jackets and others.

Also present were Pending assemblywoman Violet Yong, association chairman Lau Hong Jong and secretary Kho Siew Leong.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI KELANTAN	24

Ayam sejuk beku, diesel dirampas

RANTAU PANJANG - Pasukan Gerakan Am (PGA) Batalion 9 Kuala Terengganu merampas ayam sejuk beku dan minyak diesel serta dua buah kenderaan berjumlah RM105,900 yang digunakan untuk menyeludup barangan itu dalam serbuan berasingan kelmarin.

Serbuan pertama pada jam 5.30 pagi di pangkalan haram Awang Bunga, Tanah Merah di mana PGA Batalion 9 Kuala Terengganu merampas 395 kotak ayam sejuk beku.

Pegawai Pemerintah, Superintendan Nor Azizan Yusof berkata, nilai rampasan barangan seludup termasuk lori yang digunakan untuk aktiviti itu dianggarkan bernilai RM85,400.

Katanya, kesemua barangan rampasan itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) untuk tindakan lanjut.

“Serbuan kedua di salah sebuah stesen minyak di Rantau Panjang, PGA telah merampas 230 liter diesel yang cuba diseludup menggunakan tangki tambahan.

“Tangki tambahan itu diletakkan di bahagian tempat duduk belakang pacuan empat roda jenis Frontier,” katanya.

Nor Azizan berkata, dalam serbuan itu PGA turut menahan pemilik kenderaan bagi membantu siasatan berhubung kes tersebut.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2020	NST	NEWS	11



Malaysian Quarantine and Inspection Services Department officers with the seized oyster mushrooms in Port Klang yesterday. PIC COURTESY OF MALAYSIAN QUARANTINE AND INSPECTION SERVICES DEPARTMENT

Mushrooms worth RM76,000 seized

KUALA LUMPUR: Oyster mushrooms weighing 5,408kg with a commercial value of RM76,535.60 were seized by the Malaysian Quarantine and Inspection Services Department (Maqis) last week.

Its director, Dr Tarmisal Alimin, said the seizure was made by Selangor Maqis enforcement employees following an inspection on Thursday at the entrance of Westports in Port Klang.

“Checks on a container found that the oyster mushrooms failed to comply with the requirements of labelling, pack-

aging and grading. “It (the shipment) is being detained and the case will be investigated under Section 15 (1) of the Quarantine and Inspection Services Act of Malaysia 2011 [Act 728].

“Conviction could lead to a fine of not more than RM100,000, a jail term of not more than six years, or both.”

Tarmisal said: “We want to make sure every imported agricultural product is free of contaminated materials, pests or diseases and complies with regulations.”

Terengganu fisheries sector gets RM900,000

SETIU: The Fisheries Department yesterday distributed an allocation of RM904,840 to eight fishing villages (myKP) and 45 people involved in the aquaculture and fisheries industries in Terengganu. State Fisheries Department director Zawawi Ali said eight myKPs received RM247,800, eight fish hatchery entrepreneurs received RM120,390, six ornamental fish breeders (RM44,000) and 20 aquaculture inputs, such as tanks, water pumps, air pumps, fish seed and feed (RM209,150). "We provided incentive assistance amounting to RM283,500 under good agricultural practice to 11 fish breeders in Kampung Air Tawar, Besut. They received netlon nets, food storages, chemicals and quarantine tanks."

Bernama

Headline	Fishermen yet to get monsoon aid promised by S'wak govt, says Yong		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	24 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	5	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	195 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,659
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 7,977



Fishermen yet to get monsoon aid promised by S'wak govt, says Yong

KUCHING: Fishermen under the Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association have yet to receive the Fishermen's Landas Season Assistance as promised by the Sarawak government. Pending assemblywoman Violet Yong claimed yesterday.

According to her, the association had approached the Sarawak Fisheries Department on the assistance but has not received word on when they will receive the RM300 monthly aid.

"The association has approached the state Fisheries Department and already filled the form but until now they did not receive the assistance which was promised by the Chief Minister.

"I urge the Gabungan Parti Sarawak (GPS) state government to look into this matter as soon as possible and hope they will fulfil their promise," she said prior to handing over a special compassionate fund of RM5,000 to Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association at its premises here yesterday.

During the tabling of the 2020 State Budget last year, Chief Minister Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg announced a special assistance for fishermen during the monsoon season at RM300 a month for five months as well as equipment assistance.

The assistance is given to registered and eligible

The association has approached the state Fisheries Department and already filled the form but until now they did not receive the assistance which was promised by the Chief Minister.

Violet Yong

fishermen for a period of five months (November to March) during the monsoon season.

Meanwhile, Yong said she will also help the Sungai Apong Kuching Kotak Fishermen Association to apply for the touch-point assistance from the Department of Fisheries Malaysia.

"The federal government has allocated RM152 million under this assistance for fishermen in the country to purchase between RM500 and RM1,500 of fishing equipment such as life jackets, GPS system, fishing nets and so on.

"I will be helping the association members to apply for this assistance," she said.

Also present were Bandar Kuching MP Dr Kelvin Yii, association chairman Lau Hong Jong and secretary Kho Siew Leong.

Headline	'Let these fishermen hire foreign workers'		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	24 Feb 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	4
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,000
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,000

'Let these fishermen hire foreign workers'

KUCHING: Bandar Kuching MP Dr Kelvin Yii has suggested that the Federal Ministry of Agriculture and Agro-based Industry allow Licence A fishermen to hire foreign workers to work on their vessels. Yii explained that currently, under the Fisheries Act 1985...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Ikan di Tasik Pedu makin kurang

Nelayan tasik harap kerajaan beri bantuan seperti nelayan laut

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

PEDU

Nelayan yang mencari rezeki di tasik Empangan Pedu dan Empangan Muda berharap kerajaan dapat membantu mereka seperti nelayan laut berikutan hasil tangkapan ikan semakin berkurangan susulan kemarau sejak Disember lalu.

Akibat hasil tangkapan yang semakin berkurangan, ada nelayan yang

sanggup membahayakan nyawa mereka dengan meneroka di kawasan lebih dalam selain terpaksa menanggung risiko pukut rosak akibat tersangkut pada kayu di dasar tasik.

Tinjaun *Sinar Harian* mendapati pendapatan nelayan semakin tidak menentu apabila mereka cuma memperoleh kira-kira 10 kilogram (kg) ikan berbanding 50 kg sebelum ini.

Seorang nelayan dari Kampung Belukar Luas, Md Jusoh Abdul Rashid, 74, berkata, dia mencari ikan di Tasik Pedu sejak tahun 1970-an dan kini merasakannya pendapatannya merosot.

“Kami harap kerajaan dapat melihat perkara ini dan membantu kami seperti nelayan laut,”

katanya.



Mohd Ridzuan menunjukkan hasil yang tidak seberapa semasa memeriksa pukatnya di Tasik Pedu baru-baru ini.

Seorang lagi nelayan tasik, Mohd Ridzuan Abdul Wahab, 33, berharap kerajaan dapat memberi perhatian dengan memperbaiki jalan ke Pengkalan Mong Gajah bagi memudahkan nelayan membawa keluar hasil ikan untuk dijual.

Jelasnya, nelayan di situ terpaksa mengeluarkan modal sendiri bagi meratakan laluan masuk dan membersihkan semak samun di sekelilingnya.

“Sekarang ini pendapatan pun semakin berkurang jadi kami harap kerajaan dapat membantu menyediakan jalan berturap untuk memudahkan nelayan berulang-alik ke Tasik Pedu,” katanya.

Sementara itu, Ketua Daerah Perikanan Padang Terap, Mohd Asri Yusuf berkata, jumlah pendaratan ikan nelayan di Tasik Pedu dirakui semakin berkurangan sejak tiga tahun lalu dan pihaknya percaya jumlah itu semakin menurun berikutan musim kemarau.

“Kami akan memohon peruntukan daripada kerajaan bagi menambah benih ikan.

“Pada tahun 2017, sebanyak 156,565 benih ikan dilepaskan di tasik itu dan hasil pendaratan ikan pada tahun itu adalah sebanyak 41,435 kg. Pada tahun 2018 pula 40,437 kg dan ia terus menurun kepada 30,112 kg sepanjang tahun 2019,” katanya.



Shamsul dan Atikah menunjukkan parata dan kulit popia yang dihasilkan oleh Tisha's Food di kilangnya di Kepong, Kuala Lumpur.

Hampir terduduk rugi RM500,000

Bekas jurutera bangkit
kembangkan kembali
jenama Tisha's diusahakan
bersama isteri

Oleh NOOR AZURA SAHRIL

BERMULA dengan sebuah kiosk menjual martabak di tepi jalan pada 2012, jenama Tisha's semakin berkembang maju.

Perniagaan yang diusahakan oleh pasangan suami isteri menerusi Tisha's Food Manufacturing Sdn Bhd itu kemudiannya beralih mengeluarkan perata dan kulit popiah sejuk beku.

Seiring perjalanan waktu, produk keluaran bumiputera itu kini boleh didapati di beberapa rangkaian pasar raya besar dan terkemuka di seluruh negara.

Namun, kejayaan yang diraih kini bukan dinikmati sekelip mata tanpa usaha dan cabaran, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shamsul Shah Sulaiman, 48.

Menurutnya, walaupun tanpa pengalaman dalam perniagaan, minat telah mendorongnya mencapai kejayaan yang dikecapi pada hari ini.

BERASAL dari Pulau Pinang, Shamsul berkongsi, Tisha's bermula dengan sebuah gerai martabak Penang yang diwarisi daripada legasi rampah moyangnya, A Ghaffur yang popular di Bertam Lane sejak 1923.

Beliau yang juga generasi keempat mengambil inisiatif mempelajari resipi warisan keluarga itu dan bercita-cita membawa rangkaian murtabak Penang itu di Kuala Lumpur.

"Ketika itu syarikat tempat saya bekerja menutup cawangnya di Shah Alam, Selangor sehingga membuatkan saya mengambil keputusan untuk berkecimpung dalam perniagaan kerana saya tidak mahu bekerja makan gaji lagi.

"Selepas itu, saya belajar resipi warisan keluarga daripada mak cik dan seterusnya membuka kiosk pertama di Wangsa Melawati, Kuala Lumpur," katanya yang juga bekas jurutera kualiti di sebuah syarikat multinasional di ibu negara.

Shamsul mengakui pada awalnya agak gusar membawa jenama dan resipi martabak yang cukup dikenali ramai itu.

"Saya menggunakan nama A Ghaffur Murtabak pada permulaan perniagaan. Saya juga cuba sedaya upaya mengekalkan rasa sebenar seperti yang pelanggan nikmati," katanya

Dengan penjenamaan tersebut,

katanya, ia memudahkan pelanggan tetap yang pernah merasai martabak Penang, mendapatkannya di Kuala Lumpur.

Bagi menjangkau lebih ramai pelanggan, beliau mengedar risalah serta menawarkan perkhidmatan penghantaran kepada pelanggan di kawasan sekitarnya.

Hampir setahun berniaga di kiosk berkenaan, Shamsul kemudiannya mengorak langkah dengan bergerak menggunakan karavan hasil bantuan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi memperluas perniagaannya di sekitar Lembah Klang.

Usaha tersebut akhirnya membuka peluang kepada Shamsul untuk menghasilkan murtabak sejuk beku bagi menjamin survival perniagaannya itu.

Justeru, beliau berusaha mendapatkan sebuah kilang bagi memenuhi permintaan pasaran agar setiap isi rumah di Malaysia dapat menikmati produk dihasilkan.

Peluang ditawarkan oleh Inkubator Teknologi Makanan MARA (Intem) akhirnya merealisasikan impian Shamsul untuk memiliki kilang itu menghasilkan produk sejuk bekunya sendiri.

Kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Kepong, Selangor itu kini mempunyai 20 orang pekerja.

Namun, syarikatnya beralih arah dengan mengeluarkan parata dan kulit popia bagi memenuhi permintaan.



Shamsul bersama isterinya, Atikah yakin Tisha's berupaya berkembang lebih maju berdasarkan kepada permintaan pelanggan yang mengalakkan.

Roti parata original.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2020	SINAR HARIAN	BISNES SINAR	30



Shamsul ketika mempromosikan produk ke pasaran Tisha's di Tokyo, Jepun pada 2019.



Shamsul dan Atikah menunjukkan paratha dan kulit popa yang dihasilkan oleh Tisha's Food, di Klangnya di Kepong, Kuala Lumpur.

"Ini cabaran besar buat Tisha's. Alhamdulillah, dengan kepakaran dan fasiliti yang disediakan Intem kami berjaya mengatasinya.

"Ia merupakan permulaan kepada kami untuk pergi lebih jauh," katanya yang mendapatkan pengesahan Halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia serta pensijilan Skim Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeS-TI).

Perniagaan hampir musnah

Dalam usaha mengembangkan perniagaan, Shamsul bersama isterinya, Atika Mohd Ramli, 45, turut berdepan pelbagai dugaan dan cabaran.

Perancangan awalnya untuk meluaskan pasaran bersama puluhan usahawan lain telah menemukannya dengan sebuah koperasi yang menawarkan satu pelan perniagaan menguntungkan.

Malangnya, setelah melabur RM500,000 pelan perniagaan itu tidak mampu bertahan.

Beliau mengalami kerugian yang amat besar jumlahnya sehingga membatakannya hampir terduduk.

Malah, hampir sahaja empayar niaga yang dibinanya musnah akibat kerugian ditanggung.

Susulan itu, beliau gagal melunaskan bayaran sewa kilang dan terpaksa membuat rayuan kepada MARA.

"Kami amat bernasib baik kerana MARA sedia membantu," katanya.

Bagaimanapun, ujarnya, nasib malang dihadapinya itu membawa hikmah apabila perniagaannya kembali melonjak naik.

Semuanya berpunca apabila lebihthan perata sebanyak satu kontena yang dijual pada harga murah tular di media sosial.

"Ramai yang membelinya dan akhirnya ia terjual dalam tempoh setengah hari sahaja," katanya.

Sejak itu, Tisha's mendapat permintaan menggalakkan sehingga dua kontena perata dijual, katanya.

Selepas kejadian malang yang dihadapi itu, pintu rezeki terbuka luas buat Tisha's apabila mendapat peluang untuk menembusi pasaran parata di pasar raya besar Giant.



Shamsul bersama pekerja mereka.

Tembusi pasaran Giant

Hanya berbekalkan RM350, Shamsul menyahut cabaran meluaskan perniagaannya di rangkaian pasar raya berkenaan.

"Setelah beberapa bulan, barulah Tisha's bertapak di Giant pada 2016.

"Bermula daripada 10 cawangan Giant di Lembah Klang hinggalah lebih 100 cawangan di seluruh Semenanjung," katanya.

Kejayaan di Giant seterusnya memberi ruang kepada Tisha's untuk bertapak di Mydin, seterusnya di Lulu Hypermarket, ST Rosyam Mart, SOGO, Aeon Jusco, Village Grocer, BIG dan Ong Tai Kim.

Dianggarkan, lebih 200 rangkaian pasar raya di dalam negara telah memasarkan produk Tisha's.

Kini, Shamsul bercadang membawa jenama niaganya itu ke pasaran luar negara pula. Katanya, Tisha's fokus kepada pasaran negara jiran terutamanya ASEAN. Dalam masa sama, beliau berkata, Tisha's juga berusaha memastikan pengeluarannya mampu mengatasi permintaan.

"Bukan mudah untuk memasarkan produk ke luar negara. Perlu mengambil kira pelbagai faktor," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2020	SINAR HARIAN	SINAR NEGERI MELAKA, N9,	26
		JOHOR	

Nelayan hanyut ke Bengkulu selamat

PNK Batu Pahat harap Ramli dapat dibawa pulang segera

Oleh NOR AZURA MD AMIN

BATU PAHAT

Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Batu Pahat berharap Ramli Rashid, 38, yang ditemukan selamat di Bengkulu Indonesia empat hari lalu dibawa pulang segera.

Nelayan berkenaan sebelum ini dilaporkan hilang di laut ketika menangkap ikan



Ramli (tiga dari kiri) bersama penduduk Kampung Pambang, Bengkulu, Indonesia yang membantunya selepas hanyut di Perairan Rengit, Batu Pahat

di perairan Rengit. Ahli Lembaga Pengarah PNK Batu Pahat, Syukor Jaafar berkata, tragedi yang menimpa Ramli sehingga hanyut ke perairan negara jiran adalah satu bencana alam dan bukan pencerobohan sempadan atau melibatkan jenayah penyeludupan.

Katanya, rundingan tanpa melibatkan kedutaan boleh dilakukan bagi proses penghantaran pulang nelayan

berkenaan ke Malaysia.

“Ramli ada berhubung dengan saya semalam (kelmarin) memberitahu, dia hanyut kerana minyak enjin bot kehabisan dan cuaca ketika itu tidak elok dan angin.

“Selepas itu ada penduduk yang selamatkan dia dan membawanya pulang ke Kampung Pambang di Bengkulu. Ramli juga ada berkongsi gambarnya. Keadaannya juga selamat dan sihat,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* di sini semalam.

Kelmarin, media melaporkan Ramli, nelayan yang hilang di laut selepas keluar menangkap ikan di perairan Rengit dekat Batu Pahat ditemui selamat di Bengkulu, Indonesia.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
24/2/2020	BERITA HARIAN	NASIONAL	33



Nasib nelayan di Tasik Pedu semakin terhimpit selepas hasil tangkapan yang berkurangan akibat kemarau.

(Foto Noorazura Abdul Rahman/BH)

Nelayan tasik resah hasil kurang akibat kemarau

Mohon kerajaan sedia peruntukan tambah benih ikan di Tasik Pedu

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Padang Terap: Lebih 200 nelayan di Tasik Pedu dan Muda, dekat sini, resah apabila hasil tangkapan ikan semakin kurang akibat kemarau, sejak Disember lalu.

Tinjauan di Tasik Pedu mendapati kebanyakan pukat tidak memberi sebarang hasil dan hanya beberapa ikan tersangkut se-

lepas dipasang lebih 10 jam.

Keadaan itu memaksa nelayan meneroka kawasan tasik lebih jauh, walaupun perlu menanggung risiko bot dan pukat rosak akibat tersangkut tunggul kayu.

Nelayan, Md Jusoh Abdul Rashid, 74, berkata pendapatannya merosot kebelakangan ini ditambah pula keadaan botnya yang semakin uzur.

Katanya, beliau hanya mampu mendaratkan kira-kira 10 kilogram (kg) ikan berbanding sebelum ini lebih 50kg setiap kali keluar menangkap sekitar kawasan tasik.

"Dengan usia semakin lanjut, saya tak mampu pergi ke kawasan lebih jauh dan dalam, pukat mudah tersangkut serta rosak.

"Saya sudah menjadi nelayan di sini sejak tahun 1970-an. Nelayan di sini tiada sumber pendapatan lain, jadi saya harap ke-

rajaan dapat membantu kami," katanya yang berasal dari Kampung Belukar Luas, di sini.

Nelayan, Mohd Ridzuan Abdul Wahab, 33, berharap kerajaan dapat membaik pulih jalan ke pangkalan Mong Gajah bagi memudahkan nelayan berulang alik ke tasik.

Katanya, daratan yang semakin banyak menyukarkan mereka keluar ke tasik selain terpaksa mengubah bot dari pangkalan asal ke tempat lain.

"Baru-baru ini nelayan di sini mengambil inisiatif kumpul duit sendiri untuk meratakan jalan dan membersihkan semak-samun selepas bot perlu dipindahkan ke kawasan berair.

"Sekarang nak dapat 10kg ikan pun susah, kami terpaksa keluar modal untuk ratakan jalan. Jadi, saya berharap kerajaan prihatin dengan nasib kami," katanya yang sudah 14 tahun men-

jadi nelayan di situ.

Ketua Daerah Perikanan Padang Terap, Mohd Asri Yusof berkata, pihaknya akan memohon peruntukan daripada kerajaan untuk menambah benih ikan di tasik berkenaan.

Katanya, ini berikutan jumlah pendaratan ikan nelayan di kawasan berkenaan semakin berkurangan sejak tiga tahun lalu, dan ia semakin menurun apabila musim kemarau berpanjangan.

"Kebanyakan ikan bersembunyi di tempat air yang lebih dalam kerana ia lebih sejuk, sebab itu nelayan sukar mendaratkan ikan pada musim kemarau.

"Pada 2017, kita sudah melepaskan 156,565 benih ikan. Hasil pendaratan ikan pada tahun itu sebanyak 41,435kg, pada 2018 pula 40,437kg dan ia terus menurun kepada 30,112 kg sepanjang 2019," katanya.

Headline	Scanning QR code of jackfruit and know their origin place		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	24 Feb 2020	Color	Full Color
Section	Metro Edition A	Circulation	288,920
Page No	10	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	626 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 18,970
Frequency	Daily	PR Value	RM 56,909



由左起为波羅蜜的种植者林恩、波羅蜜的种植者林恩、波羅蜜的种植者林恩



獲農業部提名競選創新革新獎 二維碼掃波羅蜜查來歷



【华都才德24日讯】电子科技时代大行其道，扫码支付的高普及，颠覆传统的商业模式，扫码二维码用于支付外，还多出了扫码「溯源农产品，就可知其「来处」」。

来自士嘉堡的农人林恩受聘于阿嘉及神安果树种植工作，主要负责打理波羅蜜果园，她的其中小土地中，隐藏着大大的乾坤。林恩或老家因拥有自己的「波羅蜜名号」，而由其农友部提名代表应角逐该奖项的创意革新奖。

谈及使用二维码的初衷时，林恩笑着说，其实当初是所种的农地出现灌溉问题，担心影响果树及果实。若是出问题的波羅蜜能追溯回原因，至少就可追溯波羅蜜的生长，因而萌生「波羅蜜名号」的概念。

她说，本来是应用无线射频识别系统（RFID），惟由于应用程式的收费相对较高，使用难度较高。因而，QR code 则较为简单，使用后即可由手机扫描，非常方便。

她指出，目前她只是处于研发及测试，QR code 过程。由于数目前，直打县农务局已能接触到林恩宗及项目，也对她愿意使用二维码管理果园的创意概念赞赏有加，作为示范应用推广。

她说，她很有担任农业部的义务团队分享农务技术及种植经验，希望提升农人的种植水平。

林恩受惠于2019年种植、芬蘭及漁农日庆典、HAPPY 2019 的农业成果展示中，曾身为全国五分之一。这也是高由农业部提名而参赛，非自行报名。

「红肉波羅蜜的果肉较硬的，吃的时候会有声响。」

林恩指出，早期她印制的二维码标签贴纸，在施用4个月受日晒雨淋后，二维码图案会不见或不清晰。迄今，她已重新印制高质量的防水标签纸，确保不会重复同样的问题。

一来，除了可追踪任何果树的来路，也可以点及追踪果树的果实产量。例如，她能估算每个可波羅蜜的产量，消费者也知道波羅蜜的产地及网上定价。而且波羅蜜患病，也可追查受病影响的果树。

她说，相关的二维码也有显示她在波多马县农务局注册认证（MoCAP）。

每年仅9个月收成期

她坦言，她的果园面积不大，占地约5英亩地，或可作用不大。

不过，若是涉及50或500英亩的农地，而需数千棵果树，她非常需要借助二维码系统辅助管理果园。果树的数量越多，越需要系统化化管理，尤其授权他人。

印製高質量防水標籤紙

林恩目前所种植的果园种植400棵波羅蜜树，其中逾200棵果因为大树，约全为小树。她所种的波羅蜜品种是133（波羅蜜波羅蜜）及111（红肉波羅蜜）。每个月的生产，若是落在十数吨非依重大约3.5吨。

“波羅蜜属于季节性，每年只有9个月左右在收成，收成期分别是10至2月、3至4月期间的产量非常高，其他没有收成。接着，5至8月又有收成，9至10月则没有收成。波羅蜜每年会有两次收成，产量于5至8月，曾视天气。”

她分享，她的种植方式是跟波羅蜜自己的一套标准作参照。她好像有追溯到未检测土地及果实，已证明是不含重金属及重金属，符合大马良好农业规范标准，出口是毫无问题。

“本地的波羅蜜品质较好的会出口至英国、新加坡及越南等，但是我自己主要是供应本地市场。”

波羅蜜果肉易“生鏽”

波羅蜜最大的挑战是什么？林恩受访，其具体内容是“生鏽”（长斑点），不受市场青睐。专家认为波羅蜜生鏽原因不好而导致，如何则被雨水浸湿。不过，她也曾于旱天期间，果肉会出现“生鏽”情况，尚未可探究原因。

农药只残留14天

她解释，当初是选用本地的果苗种植，果上有果实时不会喷药，待收成后才喷药。过后施肥，每两个星期会施用1吨的肥料。其实，波羅蜜上的农药残留只要不超过量，就不会对人体造成危害的。

她举例，若农药残留14天，是则14天，那么农药14天后就会消失，不会造成果肉内。

若是在收获期间有下雨，农药于10天后就会不存在。农人也知道新申请的农药残留量，就不成问题。



波羅蜜上挂着的「二维码名号」，除了可追踪来路地，也可追溯及追踪果树的生长产量。



波羅蜜每个月的产量，若是落在收成期约重大约3.5吨。

Eksport ikan patin Temerloh ke luar negara

Pengusaha ikan patin sangkar sambut baik usaha kerajaan Pahang

Oleh ROSILAWATI ROSEDI

TEMERLOH

Pengusaha ikan sangkar menganggap hasrat kerajaan Pahang untuk mempergiatkan eksport ikan patin dari Temerloh sebagai 'lubuk emas' mereka bagi melonjakkan pendapatan dan rezeki dalam bidang tersebut.

Syed Ismail Syed Abdul Rahim, 44, dari Kampung Teluk Ria di sini berkata, hasrat kerajaan negeri untuk mengeksport ikan itu ke peringkat global membuka peluang keemasan kepada penternak ikan patin kerana mereka tidak lagi hanya bergantung kepada pasaran tempatan.

"Ini peluang terbaik kerana penternak boleh mendapatkan harga ikan yang lebih baik terutama ketika berlaku lambakan penawaran ikan patin. Buat masa ini kami terpaksa menjualnya sendiri.

Jika ada tempat khusus yang boleh mengambil bekalan ikan, rasanya tiada masalah untuk mendapatkan bekalan kerana selepas ini dipercayai ramai pengusaha yang akan memelihara ikan patin," katanya.

Menurut Syed Ismail, jika benar langkah pengeksportan



Keenakan ikan patin dari Pahang terutamanya dari Temerloh perlu digunakan sebaik mungkin bagi meneroka pasaran luar.



SYED ISMAIL

ikan itu dilaksanakan, ia juga bakal memberikan impak positif terhadap industri penternakan ikan patin di Pahang apatah lagi dengan adanya kerjasama semua

pihak termasuk dari kerajaan negeri.

"Sudah pasti kerajaan negeri akan membantu dengan memastikan sungai lebih terpelihara serta mengelakkan aktiviti yang boleh menjejaskan kualiti ikan patin dari negeri ini bagi tujuan eksport," katanya.

Berkongsi pandangan yang sama, pengusaha ikan patin dari Kampung Buntut Pulau, Muhammad Ashraf Zulkifly, 35, juga mengalu-alukan hasrat kerajaan negeri itu walaupun dia tahu langkah berkenaan pastinya memerlukan tempoh tertentu untuk dilaksanakan kerana ia

bergantung kepada jumlah bekalan ikan.

"Kalau untuk pasaran Temerloh pun tak cukup macam mana nak eksport. Buat masa ini rasanya masih 'tak lepas' untuk pasaran antarabangsa.

"Namun, saya akui ia peluang terbaik untuk memasarkan dan memperkenalkan keenakan ikan patin Temerloh kepada masyarakat antarabangsa," katanya.

Kelmarin Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail menerusi akaun Facebook rasmi miliknya, menyatakan hasrat sedemikian berdasarkan potensi ikan patin Temerloh di pasaran antarabangsa khususnya di Timur Tengah.

Wan Rosdy berkata, Pahang sebagai negeri yang sinonim dengan ikan patin perlu menggunakan peluang tersebut untuk menjadi pembekal selain menonjolkan kualiti ikan patin keluaran negeri Pahang.

Tarikan unik jerami gulung KKDK

Lokasi kunjungan ramai musim kemarau, hasil sepakat belia kampung

Oleh ROSHLA MURNI ROSLI

YAN

Kesepakatan golongan belia berjaya membawa nama Kampung Kuala Dulang Kecil (KKDK) hingga lebih dikenali sebagai lokasi menarik untuk dikunjungi oleh orang ramai kerana menampilkan keindahan jerami gulung.

Mengetengahkan konsep jerami gulung dengan pemandangan berlatarbelakangkan Gunung Jerai, kampung tersebut menjadi tular apabila rata-rata orang ramai berkongsi gambar menarik dan kecantikan pemandangan di lokasi tersebut.

Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Kampung Kuala Dulang Kecil, Ismail Md Zain berkata, dia tidak menyangka kampung berkenaan kini terkenal dan menjadi tumpuan pengunjung setiap hari terutama pada waktu petang.

Bercerita lanjut mengenai permulaan jerami gulung KKDK itu, Ismail berkata, seperti biasa selepas padi dituai, penduduk



Setumpuan pengunjung bergambar di salah satu 'port' jerami gulung.

kampung akan menggunakan mesin penggiling jerami bagi mengurangkan pembakaran terbuka.

"Selepas jerami siap digulung, saya meminta mereka tinggalkan sedikit gulungan jerami di situ, tetapi mengikut prosedur jerami berkenaan perlu dibawa pulang ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi memastikan kualitinya terjamin.

"Jadi selepas berbincang dengan penduduk kampung, kami sepakat untuk membeli 30 gulung jerami supaya boleh ditempatkan secara kekal di kampung kami," katanya kepada *Sinar Harian* di sini baru-baru ini.

Port bergambar

Menurutnya, pada mulanya jerami itu hanya untuk penduduk kampung mengambil gambar kenangan selepas aktiviti menuai padi.

Bagaimanapun selepas melihat ia makin mendapat sambutan, belia kampung bercadang menghasilkan pelbagai bentuk unik bertemakan jerami agar lebih menarik.

"Mereka bertungkus lumus sehingga lewat malam

demi menyiapkan 'port' bergambar seperti 'love', wau bulan, 'love KKDK', pondok dan lain-lain lagi," katanya.

Menurutnya, pada setiap petang bermula dari jalan masuk kampung sehingga kawasan parkir kereta, belia-belia ini juga akan mengawal lalu lintas untuk memberi keselesaan kepada pengunjung.

"Mereka bertugas sepanjang masa bergilir-gilir tanpa merungut atau meminta balasan daripada kudrat yang disumbangkan. Bukan kata baru sekarang malah dari 2014 ketika kami menyertai Anugerah Kampung lagi mereka dah tunjuk minat untuk bersama-sama memajukan kampung ini," katanya.

Menurutnya, jadual penanaman padi serta kerja-kerja sawah untuk musim seterusnya akan bermula tidak lama lagi dan lokasi jerami gulung seluas kira-kira 2.87 hektar itu akan ditutup sementara bagi memberi laluan untuk kerja-kerja membajak.

"Insya - ALLAH, jerami gulung KKDK akan kembali pada tahun hadapan kerana ia hanya sesuai dilaksanakan pada musim kemarau," katanya.

Seorang penduduk, Fatimah



Wan Hasrina dan pasangannya Mohd Faisal mengabadikan kenangan hari bahagia mereka di salah satu lokasi bergambar di jerami gulung KKDK.

Mokasin, 41, berkata, tarikan jerami gulung itu turut membuka pintu rezeki kepada penduduk kampung.

"Sebelum ini waktu petang tak ada buat aktiviti apa-apa tetapi sekarang mulai jam 4 petang saya dan ahli keluarga yang lain dah mula buka gerai sehingga malam," katanya.

Pengantin rakam memori

Sementara itu, sepasang pengantin baharu, Wan Hasrina Abu Hassan, 35, dan pasangannya Mohd Faisal Ahmad Marzuki, 35, juga tidak melepaskan peluang merakamkan memori indah mereka di jerami gulung.

"Selepas ini jerami gulung dah tak ada, jadi sementara masih ada peluang kami datang la ke sini, lagipun lokasinya tak jauh dari rumah kami," katanya.

Sementara itu, Ketua Armada kawasan Jerai, Mohd Saffuan Sabari berkata, beliau sangat kagum dengan usaha dan kreativiti yang ditunjukkan oleh belia kampung berkenaan.

"Saya berharap kerajaan negeri dapat mempertimbangkan cadangan supaya jerami gulung KKDK ini dimasukkan dalam kalendar tahunan, bukan sahaja untuk menarik lebih ramai pelancong luar ke negeri ini malah ia turut menjadi satu suntikan semangat serta penghargaan kepada belia kampung ini," katanya.

Dalam pada itu tinjauan *Sinar Harian* mendapati pelbagai aktiviti turut disediakan bagi merancakkan lagi jerami gulung KKDK, antaranya sukan All Terrain Vehicle (ATV), aktiviti berkuda, permainan kanak-kanak dan gerai jualan.



Wan Hasrina berswafoto bersama ahli keluarganya di samping jerami gulung.



Anak-anak muda turut mengabadikan kenangan bersama motosikal masing-masing di jerami gulung.